

**Dato' Sri Tuan Ibharm bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tan Sri. Saya akan kemukakan soalan nombor 2.

**2. Dato' Sri Tuan Ibharm bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air menyatakan:**

- (a) sebab utama sasaran NRW sebanyak 31 peratus pada tahun 2025 gagal dicapai walaupun sebanyak RM2.525 bilion telah diperuntukkan di bawah Belanjawan 2025; dan
- (b) langkah pembetulan yang segera dan konkrit yang diambil pihak kementerian untuk mencapai sasaran 25 peratus menjelang tahun 2030.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Menteri.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof]:** Terima kasih Tan Sri Yang Di-Pertua, Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengekalkan atau menurunkan kadar air tidak terhasil ataupun NRW, inisiatif pengurangan NRW perlu dilaksanakan secara berterusan dan memerlukan pelaburan yang amat besar.

Walau bagaimanapun, kedudukan kewangan operator air yang kurang mampan berikutan keadaan tarif sedia ada yang masih tidak menggambarkan kos operasi sebenar telah menghadkan kemampuan operator air untuk melaksanakan Program Pengurangan NRW sedia ada. Ini menyebabkan kesukaran untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Selain itu, pandemik COVID-19 pada tahun 2020 dan 2021 juga telah menjejaskan pelaksanaan Program NRW yang telah dirancang. Sekali gus, menyebabkan sebahagian pelaksanaannya tertangguh dan menjejaskan pencapaian sasaran 31 peratus yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Yang Ke-12.

Bagi mengurangkan kadar NRW kebangsaan, PETRA telah membentangkan cadangan penambahbaikan kepada Program Pengurangan NRW Kebangsaan sedia ada. Cadangan ini telah diluluskan Jemaah Menteri pada Julai 2024 dengan peruntukan berjumlah RM2.525 bilion, mulai tahun 2025 hingga 2030. Peruntukan ini telah disalurkan kepada Kementerian di bawah *Rolling Plan* Yang Kelima Rancangan Malaysia ke-12 pada tahun 2025.